

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 46 RABU 12 NOVEMBER, 1969

1389 ربیع الثانی 2

PERCHUMA

LAGI DUA ORANG PEGAWAI AMDB TERIMA LENCHAN PENERBANGAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menyampaikan lenchana penerbangan kapada dua orang pegawai Askar Melayu Di-Raja Brunei dalam satu upacara yang telah di-adakan di-Istana Darul Hana Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Penerima2 lencana itu ia-lah Lettenan Pengiran Hasnan bin Pengiran Ahmad dan Lettenan Abdul Rahman bin Mustapha.

Dengan itu empat orang pegawai dari pasukan Askar Melayu Di-Raja yang terdiri dari anak2 tempatan telah menerima lenchana penerbangan itu.

Dua orang pegawai telah menerima lencana sa-rupa itu pada tahun lalu. Mereka ia-lah Lettenan Pengiran Abidin bin Pengiran Ahmad dan Lettenan Awang Jock Lin bin Kong Paw.

MENJALANI LATEHAN DI-UNITED KINGDOM

Lettenan Pengiran Hasnan dan Lettenan Abdul Rahman telah menjalani latehan selama tiga bulan di-United Kingdom pada tahun lepas dan juga telah menjalani latehan lanjutan di-ibu pejabat Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Berakas.

Dua orang pegawai itu sekarang berkelayakan memandu kapal terbang penumpang dan pesawat2 helikopter jenis penninjau.

Hadir menyaksikan upacara penyampaian lencana itu termasok-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bol-Bolah Amat Mulia kiah, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan pegawai2 Askar Melayu Di-Raja Brunei.



D.Y.M.M. sedang menyematkan lencana penerbangan kapada Lettenan Awang Abdul Rahman bin Mustapha.

UMAT ISLAM

MULA BERPUASA

BANDAR BRUNEI. — Seluruh umat Islam di-Negeri Brunei telah mulai berpuasa semalam, hari Selasa 11 November.

Rombongan pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama pegawai2 dari Jabatan Ukor yang melakukan penglihatan anak bulan Ramadhan untuk menentukan permulaan puasa bagi tahun Hijrah 1389 telah nampak anak bulan tersebut pada petang hari Isnin lepas.

Pada hari itu juga telah diishtiarkan sa-bagai hari kelepas an awam di-seluruh negeri bagi menghormati permulaan puasa itu.

Waktu bekerja bagi pejabat2 kerajaan sepanjang bulan puasa ini ada-lah tetap saperti biasa.

Sementara itu sa-orang juru-chakap Jabatan Hal Ehwal

(Lihat Muka 8)

D.Y.M.M. akan berangkat ka-London

Ada-lah dengan ini di-ma'alomkan bahawa Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan rombongan akan bertolak dari Brunei menuju ka-London pada hari Juma'at 14 Nobember, 1969.

Ketua2 Jabatan dan Pegawai2 Pentadbir Brunei ada-lah di-pinta supaya berada di-Lapangan Terbang Brunei pada jam 8.30 pagi untuk mengucapkan selamat berangkat kapada Baginda dan rombongan.

Pakaian seragam tidak di-kehendaki.

ISTIADAT MULEH TIGA HARI

Pengantin Lelaki Di-Raja, Yang Mulia Pengiran Anak Abdul Aziz dengan di-iringi oleh Y.A.M. Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Haji Mohammad ketika berangkat meninggalkan Balai Singgahsana Istana Darul Hana untuk Istiadat Muleh Tiga Hari pada hari Ahad lepas.

Perkahwinan Di-Raja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Mulia Pengiran Anak Abdul Aziz telah selamat di-langsungkan pada hari Khamis 6 Nobember.

Berita lanjut dan gambar2 di-Istiadat Bersanding Perkahwinan Di-Raja itu di-siarkan di-muka tengah.



TENTU-LAH kita akan bertanya: Adakah manusia itu sama akal dan darjah kecherdekan-nya? Tentu-nya tiada. Di-dalam sekolah dan pendidekan kita di-berikan satu istilah yang di-namakan 1. Q. yang dalam Bahasa Melayu-nya berarti "darjah kecherdekan".

Maka darjah kecherdekan atau akal ini tidak sama antara sa-saorang manusia dari kecil lagi. Dan oleh itu masaalah pendidekan mesti-lah tiada dapat di-jadikan satu hal yang sama jalan-nya; ada orang lain belajar membaca A-Y-A-M dalam dua kali sudah faham; ada yang empat kali baru faham. Dan demikian-lah juga dengan akal manusia dalam masaalah Iman dan chara berfikir ini.

Ada yang faham dan dapat mengertikan sa-suatu itu dengan baik oleh sebab ia-nya berusaha dan tiada dudok diam; ada yang nasib-nya malang hanya dapat warisan Iman dan pengetahuan dari-pada turunan-nya tiada bertambah2.

Tetapi Allah S.W.T. itu tiada pernah dzalim kapada hamba2-nya, maka Allah S.W.T. telah memberikan ajaran2 kapada manusia dengan chara yang baik dan indah yang lurus sa-hingga orang2 yang kurang darjah fikiran-nya pun dapat memahami-nya.

Allah telah menjadikan kejadian2, chontoh2 yang terang dan nyata untuk di-pelajari oleh manusia supaya manusia itu berakal dan dapat memikirkan nasib diri-nya dengan terator. Di-dalam sekolah pun ada juga apa yang di-namakan "Audi-Visual Aids" atau alat pandang dengar yang mana memberikan chontoh2 untuk memahamkan murid kapada apa yang di-pelajari; misalnya gambar2, patung2 dan lain2. Dengan demikian mudah-lah kanak2 faham akan pelajaran walaupun kanak2 itu terdiri daripada mereka yang kurang cherdek.

Alat pandang-dengar yang di-jadikan oleh Allah di-dunia ini ialah kejadian2 hidup manusia yang telah di-tulis dalam sejarah dari sejak manusia ada sa-hingga sekarang — dari sejak Adam hingga Nabi Muhammad.

Sa-orang ahli fikir Barat Harold Smith dalam karangan-nya bernama "Fahaman Islam dan kesan2-nya terhadap polisi sosial dan teori politik" dalam menerangkan hubungan sejarah manusia dengan hukum Allah dan Iman ini mengakui kebenaran Islam dan berkata:

"Sejarah manusia bersifat dinamik dan sifat ini ada-lah dari kumpulan sifat2 pemilehan dan kuasa manusia. Sifat ini ada-lah hasil dari manusia menggunakan kemahuan - nya yang bebas di-tambah dengan Undang2 Allah Ta'ala kepada kemahuan itu. Bahawa dunia ini mempunyai peraturan sa-chara Undang2 dan sa-chara budipekerti. Dan peraturan ini berjalan bukan sa-chara otomatis, tetapi ada-lah dengan chara tetap sa-lama-nya. Kerana ia ada-lah hukum yang tetap daripada kehendak Allah

S.W.T. kapada semua perbuatan manusia. Maka jika manusia itu membuat kesalahan terhadap perentah2 Allah dan meninggalkan surohan Allah yang terang dan jika-lah mereka keluar daripada atas akhlak sa-chara keselurohan, maka mereka akan menerima balasan2 yang mereka tiada dapat lari daripada - nya. Maka sejarah — kerana itu — ada lah pertemuan antara kebebasan manusia dan hukum Allah S.W.T. Di-dalam Al-Quran telah banyak kali menyebutkan kejadian2 yang terjadi di-masa lampau sa-bagai saksi kapada kehendak Allah S.W.T. terhadap hal-ehwal manusia".

Apa yang di-katakan oleh Professor Smith ini ada mengandungi arti kebenaran dan telah pun di-sebutkan antara lain di-dalam Surat Hud, ayat 120 hingga 122 yang maksudnya:

"Dan segala yang kami ceritakan kapada engkau ia-itu sa-bahagian daripada cherita Rasul2 yang dapat memperteguh hati engkau. Dan di-dalam cherita2 ini engkau mendapat kebenaran serta pengajaran dan peringatan untuk orang2 yang beriman. Dan katakanlah kepada orang yang tidak beriman itu: bekerja-lah menurut kesanggupan kamu, sesunggoh-nya kami juga bekerja. Dan tunggu-lah sesunggoh-nya kami juga orang2 yang menunggu".

Apa yang di-perentahkan oleh Allah di-dalam ayat2 ini ia-lah bahawa Allah telah menjadikan semua kejadian di-masa di-utus Nabi2 yang dahulu sa-belum Nabi Muhammad itu sa-bagai satu peringatan dan seruan kapada manusia. Maka mereka yang tiada perchaya akan tetap menerima akibat-nya seperti mereka yang dahulu itu juga. Maka orang2 yang ada mempunyai fikiran walau pun tiada cherdek, tentu-lah akan dapat memahami perkara2 ini dan tentu-lah akan dapat menjadikan-nya timbangan supaya dapat mengendalikan diri-nya dan Iman-nya daripada jatuh ka-dalam landasan2 yang tiada elok. Firman Allah yang berarti: "Barang siap yang beriman kepada Allah dan hari penghabisan dan berbuat kebaikan, maka bagi mereka ganjaran daripada Tohan mereka dan mereka tidak akan

MAANA IMAN DAN KEPERCHA YAAN DALAM KEHIDUPAN MANUSIA

Oleh:

**Awg. Yahya bin Hj. Ibrahim, M.A.
(Al-Azhar).**

merasa ketakutan dan tidak menaruh dukachita".

Soal-nya sekarang ini hanya satu: Adakah kita akan mempergunakan kesempatan yang di-kurniakan oleh Allah di-dalam dunia ini? — atau dengan kata2 lain adakah kita akan belajar daripada sejarah manusia yang dahulu yang runtuh dan yang bangun itu?

Dalam keadaan masharakat sekarang ada tiga chuntoh yang besar yang boleh kita ambil bagi memperkatakan bagaimana umat Islam maseh lagi tiada dapat mengambil perhatian-nya kapada penggunaan fikiran dan pembersehan Iman daripada anasir2 yang tiada di-ingini.

Pertama, mengenai akhlas dan budi pekerti:

Sejarah manusia dari sejak Nabi Adam hingga sekarang telah membenarkan dan mengakui hakikat bahawa hawa nafsu itu membinas dan meruntuhkan apa saja yang ada pada diri manusia. Allah Ta'alah telah berkali2 menyuruh kita di-dalam Al-Quran supaya kita membendung hawa nafsu dan keinginan dengan perasaan Iman dan kesabaran yang berbagai2 chara-nya, seperti Firman-Nya yang berarti:

"Jangan-lah kamu menurut hawa nafsu untuk tidak berlaku adil. Kalau kamu berputar atau tidak mau menurut, sesunggoh-nya Tohan itu tahu benar apa yang kamu kerjakan".

Sejarah telah membuktikan bahawa mana2 bangsa2 dan manusia2 yang mengikut hawa nafsu-nya telah jatuh musnah terhina di-dalam diri dan masharakat-nya, sama ada orang Islam atau bukan Islam. Kita lihat mengapa Kota Roma terbakar oleh Nero?. Mengapa Kerajaan Islam Abbasiah jatuh?. Mengapa Rasputin di-Russia di-bunuh? tidak lain kerana hawa nafsu. Dan selalu-nya hawa nafsu itu di-dorong oleh harta benda serta kaum wanita.

Sebab itu Allah Ta'ala telah melarang kita membazir dan menggunakan harta benda dengan jalan yang tiada halal — dan melarang pergaulan yang bebas yang tiada terbatas kerana kedua2 ini ada-lah pun-

cha keruntuhan dan puncha hawa nafsu tadi.

Tetapi ada tentu-nya orang akan berkata: Ah, saudara manusia kuno, yang tiada perasaan kemajuan — saudara orang kolot, maseh mementingkan hukum2 Ugama yang sudah lapuk dan lain2. Sekarang kita di-zaman moden, kebebasan mesti-lah jangan di-sekat dan pergaulan antara lelaki dan perempuan pastut-lah di-bebaskan.

Dan kemudian datang-lah buku2 dan karangan2 serta fikiran2 ahli2 falsafah dari Barat dan pengikut2-nya dari Timor ini yang menyukong se-ruan2 itu dengan perangkaan2 dan kajian2 tentang jentina, tentang ilmu jiwa dan lain2-nya yang menunjukkan ini-lah dia kebaikan-nya seruan mereka itu. Dan di-dalam masharakat kita terdapat-lah "siuyu2" (pak turut) yang pengayoh-nya hanya tinggal "satampik" (sa-belah) saja. Maka mereka pun menari-lah mengikut tarian orang2 ini.

Tetapi ada-kah masharakat telah jadi maju dengan perbuatan mereka itu? Sampai krama mereka itu telah membawa kita maju? Adakah maju hanya dengan rambut dan pakaian? — dengan perjudian dan minum arak? — dengan pelachoran?

Yang nyata ia-lah bahawa mereka sendiri telah mengetahui bahawa perbuatan ini menyebabkan masharakat jadi kuchar kachir tiada ada persafahaman dan tida bertentu arah. Mereka akan berkata: Kita mesti mengikut zaman!. Well, if you can't change them, join'em (kalau saudara tidak dapat mengubah mereka, ikut saja mereka). Alangkah sedap chakap2 saperti ini. Tetapi apabila mereka menderita, mereka juga akan menyumpah dan menghamun masharakat, mengatakan masharakat buruk dan lain2, dengan tiada mereka sedari bahawa keburokan itu adalah hasil perbuatan mereka sendiri.

Perkara yang kedua ia-lah apa yang di-namakan sifat "gentleman":

Arti-nya sifat gentleman ini ia-lah selalu-nya saudara akan menghormati orang lain di-dalam pandangan ramai walaupun saudara akan terdedah kapada kehilangan peribadi, semata2 untuk menghormati orang lain. Saudara misal-nya di-London, lalu ada majlis tari menari "Ball-Room Dance" atau lain2 misal-nya. Jadi terpaksa-lah kita bersifat gentleman — kalau di-ajak minum, mestilah minum, kalau tidak, maka itu tidak gentleman.

Ini memang-lah benar kita bersifat gentleman. Tetapi bagaimana dengan keperchayaan kita? Bagaimana dengan harga diri kita sa-bagai sa-orang Islam? Bagaimana dengan ajar-

(Lihat Muka 3)

FIRMAN Allah subahanahu-wataala dalam Al-Quran Al-Karim Surah Al-Bakarah ayat 185 yang bermaksud:

"Dalam bulan Ramadhan itu di-turunkan Al-Quran, penunjuk bagi manusia dan penjelasan daripada petunjuk itu dan membedzakan di-antara kebenaran dan kesalahan. Siapa yang melihat anak bulan Ramadhan hendak-lah ia berpuasa dan siapa yang sakit atau dalam perjalanan, maka puasakanlah (qadhalah) bilangan yang tidak ia berpuasa itu pada hari lain."

Tohan mahu menyenangkan kamu dan tidak menyusahkan kamu dan supaya kamu dapat menchukopkan bilangan bulan itu dan membesarcan Allah di-di atas perkara yang diberi-nya kapada kamu muga2 kamu bershukor".

Dalam ayat ini Allah telah menerangkan dalam bulan Ramadhan ia-lah di-turunkan Al-Quran yang menjadi pegangan manusia sa-bagai peraturan hidup di-dunia ini dengan menerangkan segala2nya termasok puasa bulan Ramadhan dan kapada siapa2 yang di-haruskan berbuka, tetapi wajib di-qadha dengan tidak mendapat apa dosa kerana Tohan maha mengetahui di-atas kesusahan dan ke-sulitan orang2 yang di-terangkan ia-itu si-sakit dan orang musafir.

Oleh itu hendak-lah kita bershukor di-atas kelonggaran yang telah di-berikan kepada kita itu.

Dengan menjelangnya bulan Ramadhan pada tahun ini, kita bershukor ka-hadrat Allah yang telah melanjutkan umur kita sa-tahun lagi dari-pada tahun lalu dan berpeluang mendapat beramal ibadat menyempurnakan kewajipan terhadap Allah sebagai sa-orang hamba Allah yang ta'at lagi setia kapada iman-nya dan Allah serta Umma Islam yang di-akui Allah.

Untuk menguatkan iman kita dalam mengerjakan ibadat puasa ini, sukachita di-ingat-

KHUTBAH JUMA'AT

MENGUATKAN IMAN DALAM MENGERJAKAN IBADAT PUASA

kan kapada tuan2 kaum muslimin bahwa puasa bukanlah di-maksudkan menahan atau melerang makan minum yang akan menjadikan mudharat kapada-nya, tetapi untuk di-rasakan kapada orang yang berpuasa itu bagaimana kesusahan dan perasaan orang latar dan bersanggatan dahaga, terutama kapada orang2 yang sentiasa mewah dengan makanan dan minuman2 yang lazat yang mana sentiasa di-rasa oleh saudara mara kita orang2 Islam yang

menanggong susah sangsara, maka dengan perasaan begitu dapat-lah orang2 yang senang itu memikirkan bagaimana harapan dan besar hati-nya orang2 susah, jika di-beri pertulungan atau orang latar di-beri makanan dengan lain perkatan dari latehan dan pengalaman yang di-alami oleh orang2 yang berpuasa itu mereka tidak ragu2 menghulurkan bantuan kapada orang2 yang benar2 memohon pertulungan kerana jika sa-seorang itu maseh lagi dapat berakhtiar

Maana Iman dan

(Dari Muka 2)

an Ugama? Adakah kita akan meninggalkan keperchayaan dan Iman itu semata2 kerana untuk menghormati orang lain? Atau jika dalam satu2 hal kita akan terpaksa mengikut sesuatu semata2 kerana perkara itu di-surohkan oleh orang yang kita hormati lalu kita buat pada hal misalnya perkara itu sudah tentu bertentangan dengan Ugama Islam.

Firman Allah yang bermaksud: "Tidakkah engkau perhatikan orang2 yang menjadikan nafsunya menjadi Tohan-nya. Adakah engkau menjadi dalangnya? Atau jika dalam satu2 hal kita akan terpaksa mengikut sesuatu semata2 kerana perkara itu di-surohkan oleh orang yang kita hormati lalu kita buat pada hal misalnya perkara itu sudah tentu bertentangan dengan Ugama Islam."

Perkara ketiga yang paling penting saya fikirkan ialah mengenai Ilmu Sains:

Oleh kerana baru2 ini orang Amerika telah sampai kabul dan orang Russia telah membuat satu station angkasa, maka banyak-lah orang bertanya: "Adakah di-dalam Umma perkara ini?"

keperchayaan dalam kehidupan manusia

"Apa hukum-nya tu wang, abisida sampai ka-bulan adakah wajib atau haram? Macham mana mereka boleh sampai pada hal langit atau balapis2—machamana mereka boleh menambusi langit itu?" Bahkan ada yang sampai berkata: "Kalau miatu kalah tah Nabi tu".

Allah S.W.T. telah menyuruh manusia memerhatikan masaalah bulan dan bintang2 di-sekeliling manusia, sejak 1390 tahun yang lalu dengan Isra' dan Me'raj Nabi Muhammad s.a.w. dari Mekkah hingga ka-Palastin dan dari Palastin di-angkat naik ka-langit.

Dari sejak itu-lah manusia yang suka berfikir telah memikirkan perkara ini, sama ada yang Islam atau yang bukan Islam. Bagaimana Nabi Muhammad s.a.w. boleh berjalan sa-cheput kilat dan boleh naik di-angkasa lepas tiada dengan apa2 alat yang di-buat manusia, dan mereka telah berfikir: Bolehkah manusia berbuat demikian?

Fikiran ini telah tersibar dengan adanya penolakan Islam di-tanah2 asing terutama di-Palastin dari tahun 638 Masehi di-mana di-sini-lah banyak orang2 ahli pandeta Yahudi dan Nasrani yang menerima ilmu daripada ahli2 sains Islam. Dan ilmu2 saperti ini telah di-bawa oleh pengembang Islam ka-Sepanyol dari tahun 711 masehi, dan berpindah tangan-lah kapada orang2 Eropah yang dahulu-nya berada di-dalam kegelapan.

Walau pun kemaraan tentera Islam dapat di-tahan oleh Charles Martel tahun 732 di-Peranchis, tetapi mereka tiada dapat menahan, bahkan mengambil banyak2 ilmu2 Islam yang berguna itu.

Dan, ini-lah punca-nya yang menghasilkan mereka menerbangkan Apollo 11 dan Soyuz 6-7 ba-haru2 ini. Tetapi apa yang telah kita Umat Islam dapat buat? Kita maseh hanya mempertekankan perkara2 yang khilafiah yang tidak sampai ka-mana2 dan kita hanya takjub tanpa menggunakan ukuran akal kita sendiri terhadap kehen-dak Allah.

Ini bukan kerana Umma Islam itu kolot atau tidak mengikut zat man, tetapi kerana pengikutnya tidak mau berfikir dalam landasan2 Umma yang sehat. Banyak yang maseh memikirkan: "Umma Islam itu kolot dan tiada dapat memberikan sa-suatu kapada manusia".

Umat Islam telah ketinggalan dalam rumah-nya sendiri. Umat Islam telah kehilangan kepandaian

tentu-nya mereka tidak akan mahu merendahkan diri untuk memohon belas kesehan dari-pada saudara2-nya yang lain.

Puasa ada-lah rukun yang ke-empat daripada rukun Islam, sesiapa yang ingkar di atas puasa itu atau sengaja tidak berpuasa dengan tidak ada keuzoran sharie atau sakit atau sa-umpama-nya, sa-sunggoh-nya telah derhaka kapada Allah dan rasul-Nya dan kurang iman-nya dan sesiapa yang sengaja membuat perkara2 mengurangkan iman tidak bertaubat, sa-sunggoh-nya di-murkai Allah dan siapa2 sengaja menchari kemurkaan Allah sa-sunggoh-nya telah ku-fur akan nikmat Allah. Oleh itu di-harapkan kapada se-kalian kaum muslimin hendaknya jangan-lah membuat perkara yang melemahkan iman, muga2 kita sentiasa mendapat petunjuk ka-jalan yang benar dan selamat.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah Brunei / Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 12 Nob. 1969 hingga ka-hari Selasa 18 Nob. 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit	Matahari
12 Nob.		12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07	
13 Nob.		21-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07	
14 Nob.		12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07	
15 Nob.		12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07	
16 Nob.		12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08	
17 Nob.		12-12	3-39	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08	
18 Nob.		12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Secara jika kita benar2 maju, kita mesti perchaya kapada diri dan zat diri Umma Islam itu, supaya jiwa Umat Islam akan menjadi besar dan berselang dengan kekuatan yang tersendiri.

Apakah sebab-nya dalam beberapa hal dalam kenchah antara bangsa Umat Islam mengalami kekalahan?

Kerana mereka tiada penuh perchaya kapada kekuatan Islam seperti dahulu. Mereka maseh saja mempertahankan kepentingan diri, baik dalam masaalah yang kecil pun yang besar. Akhirnya kekuatan yang di-chari2 itu tidak ada kerana dalam masarakat Islam ada banyak jurang2 yang memisahkan antara satu orang Islam dengan saudara-nya yang lain, baik jurang itu di-sedari dan di-mahui atau pun tidak.

Ini pertama2 kerana keugamaan dan keislaman itu tidak sangat mendalam di-jiwa kita. Maka jika ada jurusan Ugama yang menguntung kepentingan diri kita akan selalu kerjakan dan jika jurusan itu akan merugikan kepentingan atau mengurangkan keuntungan itu maka kita akan meninggalkan Ugama itu lalu berdiri di-hadapan Ugama untuk mempertahankan kepentingan diri, atau pun berpura2 kita menimbulkan sifat Islam dan Iman semata2 untuk supaya kepentingan itu jangan teruskan dan tidak kurang.

Firman Allah yang bermaksud: "Hendak-lah kamu menjadi orang2 yang kuat menegakkan keadilan, menjadi saksi kebenaran kerana Allah biar pun terhadap dirimu sendiri, atau ibu bapa-mu atau kerabatmu, sama ada orang miskin atau kaya, maka Allah lebih dekat kepada kedua2-nya."

Demikian-lah masaalah Iman dan keperchayaan dalam kehidupan manusia dan di-harapkan sharahan ini akan dapat memberi manfaat kapada kita.

12hb. Nobember 1969

**DALAM PELOKAN
BULAN PUASA**

SEKARANG kita sedang berada dalam pelokan bulan Ramadhan dan kita baru saja melampaui hari pertama dalam menunaikan ibadah Puasa yang di-wajibkan ka-atas kita Umat Islam dan ada-lah amat beruntung bagi umat yang berjaya melaksanakan ibadah puasa dengan sempurna pada hari "memigang" itu.

Dari pembacaan dan dari pendengaran, kita Umat Islam di-negeri ini telah mengetahui serba-sedikit akan nikmat2 berpuasa dan balasan yang akan di-terima di-hari kemudian oleh orang2 yang menunaikan ibadah puasa dengan sempurna itu.

Tetapi apakah sudah chukup jika hanya sekadar mengetahui dari pembacaan dan pendengaran sahaja sedangkan hati tidak mau menerima dengan sunggoh2 sekali pun yang dibacha dan di-dengar itu mengumukan seran2 yang menguntungkan dari segi pengetahuan.

Berkali2 di-saranakan oleh pemimpin2 Ugama di-tanah ayer kita ini supaya Umat Islam hendak-lah melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan2 keungaman. Kemudahan2 untuk menutut memang telah di-sediakan oleh Kerajaan sejak beberapa lama dahulu untuk menjadikan Umat Islam di-negeri ini benar2 bertanggong-jawab atas kesuchian Ugama itu.

Mempertahankan kesuchian Ugama Islam ada-lah menjadi satu tanggong-jawab yang harus di-pikul oleh seluruh pengantun2nya, bukan hanya sekadar mempertahankan di-cheruboh, tetapi juga mempertahankan nilai2 kesuchian itu menurut yang samestinya di-suroh kapada pengantun2nya berbuat demikian.

Sekarang kita berada dalam bulan Ramadhan, bulan yang merupakan ujian2 yang lebuh serius yang di-bekalkan kepada Umat Islam ia-itu menunaikan ibadah puasa. Seluruh Umat Islam mengetahui akan hukum2 berpuasa dan ada-lah keterlaluan jika Umat Islam sendiri tidak mengetahui akan hukum2 tersebut.

Bukanlah menjadi perkara yang ganjil, jika terdapat beberapa orang Islam telah tidak menunaikan ibadah puasa itu dan ada yang mempunyai sebab2 yang meyakinkan dan ada yang hanya sekadar membuat alasan "tidak tahan", "ketegah sigop", "karing lihir", lapar dan berbagai2 lagi. Tetapi dari keimanan yang tebal, maka alasan2 yang "landir" itu tidak kita deing.

Walaupun demikian keadaannya, maka sa-bagai Umat Islam ada-lah amat bijaksana bagi mereka yang tidak berpuasa itu dapat melindangkan diri dari melakukan makan minum dan basigop dan lain2 lagi di-khalayak ramai.

Biarlah kesuian Ugama Rasmii Negara itu di-jaga dengan sebaik2nya dan tiada lain yang lebuh bertanggong-jawab melainkan Umat Islam sendiri tidak kira pangkat dan darjatnya. Semoga Allah melimpahkan rahmat-nya ka-atas kita semua.



SELAMAT BERLANGSONG-NYA ISTIADAT PERKAHWINAN DI-RAJA

ISTIADAT Bersanding Perkahwinan Di-Raja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dengan Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Aziz telah selamat di-langsangkan pada hari Khamis 6 Nobember lepas di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana, Bandar Brunei.

Pengiran Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar sekarang di-kenal sa-bagai Yang Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Aziz. Kemuliaan tersebut telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan semasa Istiadat Bersanding Perkahwinan Di-Raja itu.

Sa-baik2 sahaja Istiadat Bersanding Perkahwinan Di-Raja itu di-langsangkan, tembakan meriam sa-banyak 17 das pun di-lepaskan dan di-iringi oleh selawat dan bacaan do'a selamat oleh Yang Duli Muliakan Pehin Datu Seri Mahraja, Dato Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz.

Sa-telah Istiadat Bersanding selesai di-jalankan, kedua2 Pengantin

Di-Raja itu kemudian-nya di-arak dengan kereta mengelilingi Bandar Brunei untuk di-perkenalkan kapada rayaat.

Lebih dari 5,000 orang telah membantui di-sepanjang jalan raya yang di-lalui oleh perarak Pengantin Di-Raja itu.

Perarakan tersebut telah di-dahului oleh Pasukan Pencharagam Pulis Di-Raja dan Askar Melayu Di-Raja Brunei dan di-ikuti oleh pegawai2 yang memegang pashiasan Di-Raja yang terdiri dari 16 Tombak, 16 Pedang dan 40 Sinipit dan dian perkahwinan di-raja.

Turut dalam perarakan itu termasok-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohd. Yusof, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Ketua2 Jabatan Kerajaan.

Sambutan2 perkahwinan Di-Raja itu telah berakhiri pada hari Isnin lepas apabila Istiadat Menutup Gedang Jaga2 di-langsangkan di-Istana Darul Hana.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri, D.Y.T.M. Paduka Suri Seri Bagawan Raja, D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkiyah ketika hadir di-Istiadat Berinai Di-Raja kapada Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Masna.



Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dengan di-iringi oleh D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan berangkat ka-Bilek Pengangunan sa-telah selesai Istiadat Bersanding.

Kedua2 Pengantin Di-Raja ketika di-arak mengelilingi Bandar Brunei dalam sa-buah kereta yang di-hias khas bagi perarakan tersebut.



Pengantin Lelaki Di-Raja, Yang Mulia Pg. Anak Haji Abdul Aziz ketika berangkat meninggalkan Istana Darul Hana untuk Istiadat Muleh Tiga Hari ka-rumah ayahanda-nya di-Jalan Muara.



Pasukan Pencharagam Pulis Di-Raja Brunei yang mendahului perarakan Pengantin Di-Raja sedang memainkan lagu berentak mach-



UPACHARA PERBARISAN TAMAT LATEHAN BAGI 52 ORANG REKRUT2 ASKAR MELAYU DI RAJA

BERAKAS. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohamed Bolkiah telah berkata bahawa dengan bertambahnya rekrut Askar Melayu Di-Raja itu, maka dapatlah ia-nya lagi menambah kekuatan pasukan itu bagi menchegah segala perbuatan2 yang tidak di-ingini dalam negeri ini.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong telah berkata demikian di-upachara perbarisan tamat latehan bagi 52 orang rekrut dan tiga orang pegawai kadet yang di-adakan di-Perkhemahan Berakas pada hari Juma'at lepas.

Yang Teramat Mulia menyertu mereka supaya mengikut segala perentah yang telah di-berikan, antara-nya ia-lah untuk menjaga tata tertib pasukan itu.

Yang Teramat Mulia menambah kata rekrut itu telah di-akui sa-bagai rekrut2 yang sudah terlateh.

Perbarisan pada hari itu ada-lah terdiri dari pengambilan anggota yang ke-19 bagi pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei, dan mereka telah di-bahagikan kapada dua platoon ia-itu Platoon Awang Semaun dan Platoon Awang Alak Betatar semasa dalam latehan.


Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong kemudian-nya menyampaikan hadiah2 kapada rekrut2 yang terbaik dan penembak yang terbaik.

Hadih2 bagi rekrut yang terbaik telah di-berikan kepada Private Said bin Shari dan Private Abdul Hamid bin Mohamed Daud.

Sementara Private Awang bin Mohamed Daud dan Private Adanan bin Haji Esmit telah menerima hadiah sa-bagai penembak yang terbaik.

Tiga orang pegawai kadet yang mengambil bahagian dalam perbarisan itu ia-lah — Yahya bin Abdi Manaf, Shaari bin Mohamed Ali dan Mohamed Jaafar bin Abdul Aziz.

Ketiga2 orang pegawai kadet itu akan berlepas ka-Australia pada tahun depan untuk menjalani kursus sa-lama satuhun.



Gambar atas menunjukkan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkiah sedang menyampaikan piala kapada salah sa-orang rekrut yang di-pilih sa-bagai penembak terbaik sa-masa menjalani latehan. Sementara gambar kiri: Yang Teramat Mulia itu ketika memerluka barisan rekrut2 di-upachara perbarisan pada hari Juma'at lepas.

Ibu-bapa di-seru supaya memberi panduan kpd. anak2 mereka dalam bidang pelajaran

BANDAR BRUNEI. — Nazir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu Che'gu Haji Awang Mohammed Yassin bin Haji Metassim telah mengingatkan ibu bapa dan penjaga murid2, bahawa ada-lah menjadi kewajipan mereka untuk menulong dan memberikan panduan kapada anak2 mereka dalam bidang pe-

lajaran supaya menjadi sa-orang yang berguna kapada bangsa dan negeri.

Beliau telah berkata demikian ketika beruchap kapada ibu bapa dan penjaga murid2 di-majlis penutup Sekolah Melayu Pintu Malim, Bandar Brunei pada hari Rabu lepas.

"Tanggong jawap untuk mendek anak2 ada-lah berat dan ia-nya tidak-lah dapat di-serahkan oulat2 kapada pehak guru," tambah beliau.

Che'gu Haji Awang Mohammed Yassim berkata ibu bapa dan penjaga murid2 telah memberikan kerjasama kapada guru2 dan di-harapkan kerja sama sa-rupa itu akan dapat terus di-berikan bagi kemanan anak2 sekolah itu.

Ketika menasihati murid2 supaya menggunakan semua peluang dan kemudahan2 yang di-berikan menurut yang di-maksudkan beliau berkata jangan-lah bersa puas hati dalam menuntut ilmu pengetahuan, dan dengan jalan demikian mereka akan dapat meluas dan meninggikan lagi pelajaran.

Nazir Kanan Sekolah2 Melayu Chegu Awang Mohammed Daud bin Serudin juga memberikan uchapan di-majlis itu. Beliau telah menyentuh mengenai pendataran kanak2 yang hendak masuk sekolah Melayu tahun 1971.

Kata-nya, ibu bapa dan penjaga kanak2 hendak-lah mendaftarkan nama anak2 mereka dari 1 March hingga 31 Mei tahun hadapan dan pendaftaran sa-lepas tarikh itu tidak akan di-terima.

Majlis tersebut di-serikan dengan persembahan2 aneka warna oleh murid2 sekolah tersebut.

13 pelumba2 basikal wakili Brunei ka-perlumbaan di-Melaka

BANDAR BRUNEI. — Tiga belas orang pelumba basikal akan mewakili dalam perlumbaan basikal sa-jauh 125 batu yang akan di-adakan di-Melaka, Malaysia Barat pada 25 dan 26 Disember.

Pasukan Brunei itu juga akan bertanding dalam lumba basikal di-Johor yang akan di-adakan pada 28 hingga 30 Disember.

Pasukan itu akan meninggalkan Brunei pada 15 Disember.

Awangku Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu yang telah mengelolakan perlumbaan basikal jarak jauh dari Kuala Belait ka-Bandar Brunei dalam bulan September lepas berkata, lima orang peserta itu mewakili Majlis Belia2 Negeri Brunei, empat orang dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan empat orang akan pergi ka-Melaka dengan perbelanjaan sendiri.

Beliau berkata, ini ada-lah kali pertama pelumba2 dari negeri ini

akan mengambil bahagian dalam perlumbaan basikal di-luar negeri.

Awangku Haji Mohammad berkata walaupun pasukan itu akan berusaha seberapa yang boleh untuk menang, yang penting sekali ia-lah untuk mendapat pengalaman dalam perlumbaan besar itu.

Beliau berkata, pasukan Brunei sekarang ini sedang menjalani latehan di-bawah arahan Awang Andrew Lee.

Pelumba2 basikal yang akan mewakili negeri ini ia-lah:

Awang Arthur De Silva, Awangku Shahar bin Pengiran Haji Mohammad Said, Awang Chan Fook Phen, Awangku Masuni bin Pengiran Ahmad, Awang Thani bin Haji Badar, Awang Abdul Raub bin Abdul Rahman Awang Sulaiman bin Haji Metussin, Awang Mohammad bin Metassan, Awangku Yamin bin Pengiran Haji Damit, Awang Mosli bin Ismail, Awang Zakaria bin Ibrahim, Awang Zaharie bin Mohd. Ali dan Ak. Hamzah bin Pg. Salleh.

Penggunaan baja semakin bertambah

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian telah membagi2kan 5,403 kampit atau bersamaan 132.96 tan baja kapada 1,858 orang peladang yang sedang mengushahakan tanaman padi musim menanam 1969-1970 di-empat buah daerah di-negeri ini.

Baja2 itu di-berikan dengan perchuma kapada pemohon di-bawah ranchangan untuk menambahkan hasil besar di-Brunei.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pertanian berkata, jumlah peladang2 yang memohon baja tersebut ada-lah sa-makin bertambah dari tahun2 yang su-

dah. Kata-nya, dalam musim menanam tahun 1967-1968 apabila ranchangan bantuan itu di-mulakan, hanya 313 orang telah memohon baja tersebut. Dalam musim menanam 1968-1969 permohonan untuk mendapatkan baja tersebut meningkat kapada 1,508 orang. Sa-jumlah 71.97 tan baja jenis Armonia Sulphate dan Urea telah di-bagi2kan pada tahun itu.

Juruchakap itu menambahkan, penggunaan baja tersebut membuktikan bertambahnya hasil tanaman padi di-negeri ini.

Ini ada-lah berikutan satu kajian mengetam oleh Jabatan Pertanian dalam musim mengetam padi yang lalu, dalam mana petani2 yang menggunakan baja telah memperolehi hasil lebuh banyak dari peladang2 yang tidak menggunakan baja.

250 orang akan melawat kem AMDB

BERAKAS. — Lebih dari 250 orang dari berbagai persatuan belia dan sekolah2 di negeri ini akan mengadakan lawatan ka-Perkhemahan pasukan Askar Melayu Di-Raja di-Berakas pada hari Juma'at 14 Nobember.

Ketibaan Pelawat2 itu akan di-sambut oleh Adjutant regiment itu dan sa-terusnya memberi penerangan sa-below mereka di-bawa melawat kebeberapa bahagian perkhemahan.

Tempat2 yang akan di-lawati termasok-lah workshop, ibu pejabat, rumah sakit dan mess pegawai.

Mereka juga akan menyaksikan pertunjukkan senjata2 rengan dan motar dan persembahan permainan pencharagam regiment itu.

Jalan Pelumpong di-tutup

Jalan Pelumpong di-Pekan Muara telah di-tutup kapada lalu lintas mulai 1 Nobember lepas untuk membolehkan kerja2 pembinaan pelabuhan Muara yang di-chadangkan itu.

Se semua kenderaan yang hendak pergi di-pantai Muara hendak-lah menggunakan jalan raya baru yang menghubungkan Jalan Muara berhadapan dengan Balai Bomba Muara.

Lawatan Pulis ka-Balai Bomba

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 51 orang anggota Pulis Di-Raja Brunei telah mengadakan lawatan ka-ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba pada hari Selasa lepas.

Rombongan yang di-ketuai oleh Sgt. Abdullah bin Ishak itu ada-lah terdiri dari anggota pulis dan rekrut2 yang se-

Jawatan- Jawatan Kosong

Di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa untuk di-lantek ka-jawatan2 yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

- 1) Tukang Ubat Kanan
- 2) Tukang Ubat Terlateh/atau
- 3) Tukang Ubat Perchubaan.

KELAYAKAN2:

- 1) **Tukang Ubat Kanan**
Mesti-lah menjadi sa-orang Tukang Ubat yang berkelayakan dan mempunyai 10 tahun pengalaman serta pengalaman menjaga sa-buah gedung ubat; atau Hendak-lah menjadi sa-orang Pembantu Rumah Sakit yang berkelayakan dengan mempunyai pengalaman membanchor ubat selama 3 hingga 5 tahun.
- 2) **Tukang Ubat Terlateh**
Mesti-lah mempunyai se-satu Sijil bagi Tukang Ubat yang berkelayakan atau pun hendak-lah menjadi sa-orang Pembantu Rumah Sakit yang berkelayakan dengan mempunyai pengalaman membanchor ubat selama 3 hingga 5 tahun.
- 3) **Tukang Ubat Perchubaan**

Sa-bagai Penjaga Asrama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa untuk memenuhi jawatan2 Penjaga Asrama di-Jabatan Pela-jaran, Brunei.

Jawatan2 Kosong ini ia-lah:

- a) Di-Sekolah Inggeris Kuala Belait — (1 lelaki & 1 perempuan)
- b) Di-Maktab Anthony Abell, Seria — (1 perempuan)
- c) Di-Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar, Temburong, — (1 perempuan).

KELAYAKAN2:

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dan hendak-lah sa-baik2nya mempunyai pengalaman dalam penyeliaan dan pengurusan sa-buah asram, termasok pengalaman memasak makanan Melayu.

TUGAS2:

- a) Menjaga asrama dan pekerja2 dapur.
- b) Menjaga membeli belah dan memeriksa barang2 yang di-bekalkan, menyediakan jadual2 makanan

dang menjalani latehan di-Sekolah Latehan Pulis di-Berakas.

Semasa lawatan, mereka telah mendengar cheramah2 mengenai semua aspek perkhidmatan bomba dan juga berpeluang menyaksikan pertunjukkan chara2 melawan kebakaran dengan menggunakan alat pemadam api yang moden.

Sakit yang berkelayakan dengan mempunyai pengalaman membanchor ubat sekurang2nya selama 10 tahun.

2) **Tukang Ubat Terlateh**

Mesti-lah mempunyai se-satu Sijil bagi Tukang Ubat yang berkelayakan atau pun hendak-lah menjadi sa-orang Pembantu Rumah Sakit yang berkelayakan dengan mempunyai pengalaman membanchor ubat selama 3 hingga 5 tahun.

3) **Tukang Ubat Perchubaan**

serta makan minum di-asrama.

GAJI:

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB 5 \$380 x 20 — 620/EB/640 x 20 — 700. Gaji permulaan bergantong kepada kelayakan2 dan pengalaman.

STARAT2 PERKHIDMATAN:

Chalon yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasok masa perchubaan selama 6 bulan. Chalon2 yang berjaya terdiri dari ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

BAKSIS:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak $12\frac{1}{2}\%$ daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau dibuang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapat dari pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari pada 30 Nobember, 1969.

Pemohon2 bagi jawatan ini (Tukang Ubat Perchubaan) mesti-lah terdiri dari ra'ayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei dan mesti-lah berumur 17 tahun atau lebih dan lulus peperkesaan Senior Cambridge termasok mata2 pelajaran sains asas.

GAJI: Tukang Ubat Kanan — Dalam sukatan gaji C. 2 — \$600 x 30 — 900.

Tukang Ubat Terlateh/Perchubaan Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB4 — \$210 x 10—270 x 15—360/380 x 20 480/EB/500 x 20 — 620.

Gaji Permulaan bergantong kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

1) Tukang2 Ubat Perchubaan di-lantek dalam perchubaan selama 3 tahun dan penetapan dalam jawatan mereka ada-lah bergantong kapada kejayaan dalam perekson sesudah menjalani sesuatu kursus yang di-akui.

2) Tukang Ubat Kanan dan Tukang Ubat Terlateh yang bukan dari ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasok masa perchubaan selama 6 bulan. Pembaharuan kontrek adalah dengan persetujuan bersama.

BAKSIS:

Bagi sa-orang pegawai yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak $12\frac{1}{2}\%$ daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau dibuang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapat dari pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Disember, 1969.

SI-TUYU oleh:m.salleh ibrahim



UTAMAKAN-LAH BAHASA KEBANGSAAN, BAHASA MELAYU

Majlis penyampaian Sijil2 Rendah Pelajaran kepada 123 orang

TUTONG. — Penulong Pegawai Daerah Tutong, Awang Sidek bin Yahya telah menguchapkan tahniah kapada penuntut2 yang telah lulus dalam peperekson Sijil Rendah Pelajaran pada tahun lalu.

Beliau berkata, dengan memperolehi sijil2 tersebut ada-lah memberikan galakan kapada penuntut2 itu untuk melanjutkan pelajaran mereka lagi.

Beruchap di-majlis penyampaian sijil2 tersebut di-Dewan Sekolah Melayu Muda Hashim pada hari Ahad lepas, Awang Sidek menyatakan bahawa beberapa buah sekolah di-daerah itu telah pun di-laksanakan berbagai2 mata2 pelajaran bagi penuntut2 yang akan menuntut di-sekolah2 itu nanti.

Turut memberikan uchapan di-majlis itu termasok-lah Guru Besar Sekolah Melayu Muda Hashim, Awang Mohammad Taha bin Abdul Rauf selaku pengurus majlis dan Awang Abdullah bin Penyurat Haji Abu Bakar selaku wakil Jabatan Pelajaran Brunei.

Awang Abdullah dalam uchapan-nya antara lain telah menyeru kapada ibu bapa supaya memberikan galakan kapada anak2 mereka terhadap pelajaran.

Sa-ramai 92 orang penuntut dari Sekolah Menengah Melayu Pertama, Tutong dan 31 orang penuntut2 kelas dewasa telah menerima sijil2 tersebut.

Di-Majlis itu, Penulong Pegawai Daerah itu telah di-hadiahkan sa-buah chenderama yang berupa lukisan pemandangan.

Penulong Pegawai Daerah Tutong, Awang Sidek sedang menyampaikan sijil tersebut kapada salah sa-orang penuntut di-majlis itu.



Pengakap2 ka-Jambori Thailand

di-beri kursus dua hari

GADONG. — Guru2 Pengakap dan Pengakap2 yang telah di-pileh untuk mewakili Negeri Brunei ka-Jambori Pengakap Kebangsaan Thailand dalam bulan Disember hadapan telah menghadiri satu kursus di-kawasan Perkhemahan Pengakap di-Jalan Gadong sa-lama dua hari pada hari Sabtu 8 Nobember lepas.

Kursus itu telah berakhir pada petang hari Ahad 9 Nobember.

Pesurohjaya Latehan Pengakap Negara, Awang Yahya bin Mohamed Yusof berkata bahawa di-antara tujuan2 di-adakan kursus tersebut ia-lah untuk memberikan peluang ka-

pada Guru2 Pengakap dan Pengakap2 yang belum biasa menghadiri Jambori Pengakap di-luar negeri supaya mempelajari perkara2 yang akan berlaku sa-masa di-adakan Jambori itu.

Rombongan Pengakap dari Negeri Brunei ka-Jambori tersebut di-jangka bertolak ka-Thailand melalui Singapura pada penghujung bulan ini.

Rombongan itu mengandon-gi 62 orang termasok 3 orang pegawai2 pengakap yang telah di-pileh dalam temu-duga2 yang di-adakan di-Bandar Brunei, Pekan Tutong dan di-Seria dalam bulan lulu.

Rombongan itu di-ketuai oleh Awg. Md. Ali bin Daud, Yang Di-Pertua Majlis Mahsuarat Pengakap Negeri Brunei dan akan bertolak dalam hujong bulan ini.

Mereka di-jangka pulang ka-tanah ayer pada penghujung bulan Disember hadapan.

Orang2 yang di-dapati tidak berpuasa akan di-hukum

(Dari Muka 1)

Ugama berkata, jika ada orang2 Islam yang di-dapati tidak berpuasa akan di-tangkap tanpa sebarang warant oleh pehak pulis, penghulu atau pegawai2 Jabatan Ugama.

Kata-nya, jabatan tersebut juga telah melantek beberapa orang pegawai penyiasat untuk menguatkuasakan undang2 berhubung dengan puasa itu.

Jika sa-seorang Islam di-dapati tidak berpuasa, ia-nya akan di-denda sa-banyak \$50.00 bagi kesalahan pertama,

TEGAHAN BAWA

MASOK BINATANG2

PELIHARAAN

BANDAR BRUNEI. — Mem-bawa bintang2 peliharaan sa-chara langsung dari Britain ka-negeri ini, terutama-nya anjing2 dan kucing2 sekarang ini ada-lah di-tegah.

Ini ada-lah berikutan dengan kejadian penyakit anjing gila baru2 ini di-United Kingdom.

Pengarah Pertanian, Awang K. G. Malet dalam satu ke-nyatuan berkata, orang2 yang hendak membawa masok bintang2 dari United Kingdom, hendak-lah terlebih dahulu mendapatkan permit im-pot dari Jabatan Pertanian saperti biasa.

Binatang2 itu kemudian-nya akan di-kurantinkan sa-lama enam bulan sama ada di-Kota Kinabalu, Sabah atau Kuching, Sarawak, sa-belum binatang2 itu di-bawa masok ka-Brunei.



Pelumba2 basikal yang akan mewakili negeri ini ka-perlumbaan basikal di-Melaka kelihatan sedang menjalani latihan di-bawah pimpinan Awang Andrew Lee (kanan sekali) sa-belum mereka memulakan perlumbaan ujian dari Bandar Brunei ka-Kuala Belait dan balek ka-Bandar Brunei pada hari Ahad lepas.

Dalam perlumbaan tersebut Awangku Shahar mendapat tempat pertama dengan memecahkan rekod yang di-buat oleh Awang Arthur de Silva dalam perlumbaan jarak jauh dari Kuala Belait ka-Bandar Brunei dalam bulan September lepas.

\$75.00 bagi kesalahan kedua dan \$100.00 bagi kesalahan yang ketiga.

Tuan2 punya restoran dan kedai2 makan ada-lah di-min-ta memberikan kerjasama su-paya tidak menjual makanan atau minuman kapada orang2 Islam di-waktu siang hari.

Jika di-dapati tuan2 punya restoran dan kedai2 makan menjual makanan kapada orang Islam di-waktu siang hari semasa bulan puasa ini, mereka juga akan di-denda kerana kesalahan2 itu.